

Lawatan PM perkukuh sokongan aspirasi Timor-Leste sertai ASEAN



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM)

Oleh Dr Ku Boon Dar
bhrencana@bh.om.my

Lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Timor-Leste membawa makna besar bukan sahaja kepada hubungan dua hala, bahkan masa depan rantau Asia Tenggara.

Perdana Menteri menerima penghormatan tertinggi apabila dikurniakan *Grand Collar of the Order of Timor-Leste*, iaitu anugerah sivil paling berprestij negara berkenaan, sekali gus melambangkan keakraban hubungan Malaysia-Timor-Leste sejak negara itu mencapai kemerdekaan pada 2002.

Kunjungan hormat ke atas Presidennya, Dr Jose Ramos-Horta, tokoh perjuangan kemerdekaan yang juga penerima Anugerah Nobel Keamanan 1996 turut menambah nilai simbolik terhadap lawatan rasmi ini.

Lawatan ini juga membawa mesej jelas bahawa Malaysia menyokong penuh aspirasi Timor-Leste untuk menjadi anggota ke-11 ASEAN. Keanggotaan penuh dijangka dimuktamadkan pada Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur, Oktober ini.

Sokongan Malaysia amat signifikan kerana ASEAN kini blok ekonomi kelima terbesar dunia dengan nilai gabungan lebih AS\$4.3 trilion (RM18.1 trilion) pada 2024 dan populasi sekitar 680 juta orang.

Kehadiran Timor-Leste akan menutup jurang pembangunan di timur rantau ini, sekali gus mengukuhkan prinsip Kesepusatan ASEAN. Sebagai negara pengasas ASEAN pada 1967, Malaysia konsisten menegaskan tiada jiran harus ketinggalan daripada arus pembangunan serantau.

Penyertaan Timor-Leste membuka peluang pаса-

ran baharu untuk syarikat tanah air. Negara itu masih bergantung besar pada sektor minyak dan gas yang menyumbang sekitar 70 peratus hasil kerajaan.

Namun, sumber ini dijangka berkurangan menjelang 2030. Natiujahnya, Malaysia berpeluang membantu mempelbagaikan ekonomi Timor-Leste melalui kepakaran dalam pertanian moden, contohnya industri kopi mencatat nilai eksport sekitar AS\$19.1 juta (RM80.4 juta) pada 2023, sekali gus menjadi penyumbang utama eksport bukan petroleum negara itu.

Malaysia rakan pelaburan berpotensi

Dari segi ekonomi, Malaysia dilihat sebagai rakan pelaburan berpotensi, terutama dalam sektor tenaga dan infrastruktur. Kehadiran syarikat Malaysia, termasuk PETRONAS, menunjukkan keyakinan Timor-Leste mempunyai prospek pembangunan jangka panjang, terutama dengan potensi besar projek gas mega.

Projek Greater Sunrise contohnya, dianggarkan mempunyai rizab sekitar 5.1 trilion kaki padu gas kering dan 226 juta tong kondensat petroleum, sekali gus menjadikannya antara projek gas mega paling signifikan di rantau ini.

Pembangunan projek ini berpotensi memberikan pulangan strategik kepada Timor-Leste dan rakan kongsi pelaksana dengan nilai keseluruhan dianggarkan mencecah puluhan bilion dolar.

Dengan pengalaman luas dalam industri tenaga serantau, PETRONAS berpeluang memainkan peranan penting dalam merealisasikan kejayaan projek berkenaan.

Timor-Leste juga berada di lokasi strategik di Laut Timor yang menghubungkannya dengan perairan Laut Banda di utara serta memberi akses maritim ke Lautan Hindi di selatan.

Kedudukan ini bukan sahaja menjadikannya penting dari sudut geopolitik dan sumber tenaga, malah menawarkan nilai tambah kepada Malaysia dalam memperkukuh kerjasama serantau.

Laluan ini menjadi nadi perdagangan menghubungkan Asia Tenggara dengan Australia dan Pasifik. Bagi Malaysia yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa dengan jumlah dagangan luar mencecah RM2.85 trilion pada 2024, kestabilan laluan laut ini amat kritikal.

Hubungan lebih erat dengan Timor-Leste akan memperkukuh keselamatan maritim, termasuk dalam menghadapi cabaran jenayah rentas sempadan, penyeludupan serta persaingan geopolitik di Indo-Pasifik.

Natiujahnya, lawatan PM menyerlahkan kemampuan Malaysia sebagai peneraju dalam ASEAN. Sebagai negara konsisten menekankan prinsip dasar berkecuali dan kesepakatan, Malaysia berjaya mengimbangi pengaruh kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS), China atau India di rantau Indo-Pasifik.

Sepanjang kepengerusian ASEAN 2025, Malaysia terbukti menunjukkan kepemimpinan bukan sahaja sebagai fasilitator integrasi serantau, tetapi penggerak utama merangka hala tuju masa depan ASEAN.

Sejak awal kemerdekaan Timor-Leste, Malaysia antara negara terawal mengiktiraf kedaulatannya dan membuka pejabat kedutaan di Dili pada 2003. Hubungan ini diperkukuh melalui pelbagai bentuk kerjasama, termasuk penempatan pasukan pengaman Malaysia di bawah bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Malaysia juga menyalurkan kepakaran dalam bidang pendidikan, kesihatan serta pentadbiran awam melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), yang melatih ratusan pegawai kerajaan Timor-Leste sepanjang dua dekad lalu.